



# GUIDELINES ON OVERNIGHT TRANSFUSION IN HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UKM MEDICAL CENTRE.

1st Edition  
15 September 2018

**GARIS PANDUAN UNTUK ‘OVERNIGHT TRANSFUSION’**  
**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini adalah bertujuan untuk mengurangkan risiko kesilapan klinikal transfusi darah serta mengurangkan masalah yang tidak diingini berlaku pada pesakit; serta membolehkan kakitangan yang bertugas lepas waktu pejabat dapat menumpukan perhatian kepada pesakit yang betul betul memerlukan rawatan.

**2.0 LATABELAKANG**

- 2.1 Definasi “Overnight transfusion” adalah sebarang transfusi darah atau komponen darah selepas waktu pejabat di antara masa 9.00 malam sehingga 8.00 pagi keesokan hari.
- 2.2 “Overnight transfusion” membawa risiko yang lebih tinggi kepada pesakit berbanding dengan transfusi pada waktu siang hari. Ini adalah disebabkan beberapa faktor berikut:
  - 2.2.1 Bilangan jururawat terlatih yang bertugas pada syif malam adalah kurang berbanding dengan syif siang hari, begitu juga dengan pegawai perubatan dan pakar perubatan.
    - 2.2.1.1 Ini boleh menyebabkan pemantauan yang tidak lengkap diberikan kepada pesakit yang menjalani transfusi darah dan mungkin terlepas pandang gejala reaksi transfusi darah yang serius.
    - 2.2.1.2 Ada juga kes di mana reaksi transfusi darah adalah tidak serius (contohnya, demam  $<1^{\circ}\text{C}$  peningkatan dari baseline, reaksi alergi yang ringan), tetapi disebabkan kekurangan kakitangan untuk memeriksa dan memantau pesakit, transfusi darah yang sepatutnya boleh diteruskan dengan pemantauan terpaksa diberhentikan dan bag darah tersebut dibazirkan begitu sahaja, pesakit terpaksa membayar berlebihan.
  - 2.2.2 Pada waktu malam, cahaya yang malap di wad boleh mengaburkan penglihatan dan mengakibatkan kesan sampingan transfusi darah yang tidak dapat dikesan dengan awal.
  - 2.2.3 Terdapat juga laporan menunjukkan kakitangan yang bertugas waktu malam mengalami kepenatan dan kekurangan tidur disebabkan corak tidur mereka terganggu. Ini boleh meningkatkan risiko kesilapan kepada pesakit jika transfusi darah tersebut tidak dijustifikasikan.

- 2.2.4 Pesakit yang menjalani transfusi darah pada waktu malam ini juga didedahkan kepada kesakitan jika berlakunya masalah ‘branula’ yang tidak berfungsi. Mereka ini terpaksa dicucuk berkali-kali oleh kakitangan yang sama (walaupun tidak mahir) sehingga ‘branula’ dimasukkan kerana transfusi darah yang telah dimulakan haruslah dihabiskan dalam masa 4 jam demi menjaga kualiti darah tersebut.
- 2.2.5 Kakitangan yang bertugas waktu malam ini berada dalam emosi yang tegang kerana terpaksa menjaga pesakit yang tenat dan juga pesakit yang tidak sepatutnya perlukan transfusi darah waktu malam.
- 2.3 Di samping risiko kesilapan klinikal serta kesan kepada pesakit yang mengalami transfusi darah dan kakitangan bertugas, pesakit-pesakit lain yang katilnya berdampingan dengan pesakit yang mengalami transfusi darah akan turut diganggu apabila jururawat terlatih membuat pemantauan pada pesakit. Tidur pesakit-pesakit ini akan terganggu dan kekurangan tidur akan melemahkan badan pesakit-pesakit ini.
- 2.4 Menurut garis panduan antarabangsa,
- 2.4.1 *The administration of blood components: a British Society of Haematology Guideline: (Transfusion Medicine 2018; 28: 3-21)*
- *Transfusion should be given with the **same attention** to patient observations whatever the time of night or day*
  - *Serious Hazards of Transfusion (SHOT) 2005 has recommended that transfusion at night must proceed where there is a **clear clinical indication** and where there are **sufficient staff to permit safe transfusion***
  - *It is important to recognise that there is a **greater risk of clinical error at night**, and if there is **no clear clinical indication** to transfuse overnight, consideration should be given to **deferral of transfusion to the following day**.*
- 2.4.2 *Joint United Kingdom (UK) Blood Transfusion and Tissue Transplantation Services Professional Advisory Committee (JPAC)*
- *Safe Transfusion – Right blood, right patient, right time and right place.*
  - *Non-essential ‘out of hours’ requests for transfusion and overnight administration of blood should be avoided wherever possible because of an increased risk of errors.*

### **3.0 GARIS PANDUAN :**

3.1 *Overnight transfusion* ini hanya diberikan kepada pesakit-pesakit yang mengalami beberapa keadaan berikut demi menyelamatkan nyawa pesakit :

- A. Pesakit yang mengalami perdarahan yang aktif
- B. Pesakit yang dimasukkan ke hospital pada waktu malam akibat gejala-gejala anemia
- C. Kes-kes peri-operative.